

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(AKTA 171)**


**UNDANG-UNDANG KECIL  
PELESENAN PETEMPATAN MAKANAN  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR), 2016**

**P.U.(A) 361/16**

---

**SENARAI PINDAAN:**

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 60  
No. 26

**27hb Disember 2016**

*TAMBAHAN No. 129  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 361.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PETEMPATAN MAKANAN  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PELESENAN**

3. Lesen diperlukan bagi petempatan makanan
4. Permohonan bagi lesen

Undang-  
undang  
kecil

5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

### BAHAGIAN III

#### KEHENDAK KHAS BAGI KEDAI MAKAN DAN RESTORAN

13. Kehendak bagi kedai makan dan restoran
14. Keperluan mendapatkan sijil halal
15. Alat perangkap minyak
16. Kemudahan internet
17. Hiburan di kedai makan dan restoran
18. Larangan perniagaan lain dalam kedai makan dan restoran
19. Larangan menjalankan perniagaan di luar kedai makan dan restoran
20. Penyediaan makanan
21. Kehendak yang lain

### BAHAGIAN IV

#### PERUNTUKAN AM

22. Larangan
23. Pemeriksaan perubatan dan kursus asas penyediaan makanan
24. Orang yang dilarang menyediakan makanan
25. Kehendak kebersihan
26. Penyenggaraan petempatan makanan
27. Pengelasan petempatan makanan
28. Penutupan petempatan makanan yang tidak bersih
29. Binatang adalah dilarang

**Undang-  
undang  
kecil**

30. Tempat penyediaan makanan
31. Sinki dan kelengkapan sanitari
32. Bekalan air
33. Penyimpanan
34. Mengadakan bilik rehat dan lokar
35. Ruang yang sesak dilarang
36. Kacau ganggu
37. Waktu pengendalian petempatan makanan
38. Kuasa untuk menghendaki maklumat
39. Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan
40. Pengecualian
41. Penalti
42. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PETEMPATAN MAKANAN  
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 73(1)(c) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Datuk Bandar Kuala Lumpur membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016**.  
(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“air limbah” ertinya air hasil daripada kegunaan harian manusia daripada mencuci, memasak, untuk mandi dan lain-lain kegunaan seumpamanya;

“alat perangkap minyak” ertinya suatu alat yang digunakan sebagai penapis sisa pepejal dan minyak di dalam sistem pelupusan air limbah;

“Datuk Bandar” ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 [*Akta 190*];

“fi lesen” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“ikan” ertinya binatang yang bolch dimakan yang hidup di dalam air dan termasuklah apa-apa hidupan air lain yang boleh dimakan oleh manusia;

“kad kategori” ertinya kad kategori yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 27;

“makanan” termasuklah tiap-tiap barang yang dikilangkan, dijual atau digambarkan untuk digunakan sebagai makanan atau minuman bagi kegunaan manusia atau yang diguna di dalam komposisi, penyediaan dan pengawetan, mana-mana makanan atau minuman bagi kegunaan manusia dan termasuklah konfeksi, bahan kunyahan dan apa-apa bahan bagi makanan, minuman, konfeksi atau bahan kunyahan itu;

“pemegang lesen” ertiannya mana-mana orang yang kepadanya lesen petempatan makanan dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“penyediaan makanan” atau “menyediakan makanan” termasuklah mengendalikan, menghidang atau menjual makanan;

“petempatan makanan” ertiannya bangunan atau mana-mana bahagian bangunan di mana makanan untuk dimakan oleh manusia diproses, disedia, disimpan, dihidang, atau dijual bagi maksud perniagaan.

## **BAHAGIAN II**

### **PELESENAN**

#### **Lesen diperlukan bagi petempatan makanan**

3. (1) Mana-mana orang boleh menggunakan sesuatu bangunan atau mana-mana bahagian bangunan sebagai petempatan makanan apabila suatu kebenaran perancangan, jika perlu, bagi maksud tersebut telah diperolehi di bawah undang-undang perancangan yang berkaitan dan suatu lesen petempatan makanan dikeluarkan berkaitan dengan bangunan itu atau mana-mana bahagian bangunan itu oleh Datuk Bandar di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Permohonan bagi lesen**

4. (1) Tertakluk kepada undang-undang kecil 3, sesuatu permohonan bagi suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Datuk Bandar boleh meluluskan atau tidak meluluskan sesuatu permohonan bagi suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Datuk Bandar boleh, jika difikirkannya perlu, menghendaki mana-mana pemohon untuk hadir sendiri dan bagi pihak sesuatu perbadanan atau firma atau seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut untuk hadir bagi memberi apa-apa dokumen atau maklumat lanjut berkaitan dengan sesuatu permohonan bagi suatu lesen.

(4) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah tertakluk kepada—

(a) tempoh lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;

(b) kesesuaian dan saiz bangunan yang akan digunakan untuk mengendalikan petempatan makanan yang dicadangkan;

- (c) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekat yang dikenakan oleh Datuk Bandar dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan;
- (d) bayaran deposit sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil 8;
- (e) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual;
- (f) jika difikirkan perlu, penetapan bilangan unit meja dan kerusi untuk digunakan di petempatan makanan yang dicadangkan; dan
- (g) apa-apa kehendak yang lain di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan.

(5) Datuk Bandar boleh, dari semasa ke semasa dan semasa sesuatu lesen masih berkuat kuasa, mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu atau mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(6) Suatu notis bertulis hendaklah diberikan kepada pemegang lesen sebelum Datuk Bandar membuat apa-apa keputusan di bawah perenggan (5).

#### **Ketidaklayakan**

5. Walau apa pun undang-undang kecil 4, tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini kepada mana-mana orang yang—

- (a) berumur di bawah lapan belas tahun; atau
- (b) jika bangunan yang dicadangkan olehnya, pada pendapat Datuk Bandar, tidak sesuai untuk digunakan sebagai petempatan makanan atau bangunan yang dicadangkan terletak dalam kawasan yang tidak sesuai untuk mengendalikan petempatan makanan yang dicadangkan.

#### **Bentuk lesen**

6. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

#### **Fi lesen**

7. (1) Fi lesen yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Datuk Bandar boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar kesemua atau mana-mana bahagian daripada fi lesen.

(3) Fi lesen yang dibayar di bawah perenggan (1) tidak boleh dibayar balik.

**Deposit**

8. (1) Datuk Bandar boleh menghendaki mana-mana orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan untuk membayar deposit sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit untuk memastikan bahawa peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil dan syarat atau sekatan lesen dipatuhi.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Datuk Bandar boleh, jika difikirkan perlu, mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar keseluruhan atau sebahagian deposit.

(3) Sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil dan syarat atau sekatan lesen, Datuk Bandar hendaklah memberi notis kepada pemegang lesen dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis untuk memberi representasi kenapa depositnya tidak boleh dilucutahkan.

(4) Datuk Bandar boleh, setelah mempertimbangkan representasi yang dikemukakan oleh pemegang lesen atau jika pemegang lesen gagal membuat representasi, memutuskan sama ada untuk melucutahkan keseluruhan atau sebahagian deposit.

(5) Tertakluk kepada perenggan (4), Datuk Bandar boleh menghendaki pemegang lesen untuk menggantikan keseluruhan atau sebahagian deposit yang telah dilucutahkan.

(6) Deposit yang dibayar hendaklah, melainkan jika dilucutahkan, dibayar balik kepada pemegang lesen tanpa apa-apa pelarasian bagi faedah atas amaun yang diberikan di bawah perenggan (1) selepas pemegang lesen berhenti mengendalikan petempatan makanan itu.

(7) Seseorang pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Datuk Bandar jika dia telah berhenti mengendalikan suatu petempatan makanan.

(8) Bagi maksud perenggan (7), pemegang lesen hendaklah memohon kepada Datuk Bandar dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia berhenti mengendalikan petempatan makanan itu untuk depositnya dibayar balik.

(9) Sekiranya pemegang lesen tidak memohon untuk depositnya dibayar balik atau depositnya tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan (8), deposit itu hendaklah dilucutahkan dan hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan kerajaan tempatan dan hendaklah menjadi sebahagian daripada hasil kumpulan wang itu.

**Lesen gantian**

9. Jika Datuk Bandar berpuas hati bahawa suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hilang, cacat atau rosak, Datuk Bandar boleh mengeluarkan lesen gantian.

**Pindah milik lesen**

10. (1) Pemegang lesen boleh mengemukakan permohonan untuk memindah milik lesen kepada mana-mana pihak dengan apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan Datuk Bandar boleh meluluskan atau menolak permohonan tersebut.

(2) Fi pindah milik lesen adalah sebanyak lima puluh ringgit.

(3) Walau apa pun perenggan (1), sekiranya berlaku pertukaran entiti atau perubahan nama dalam entiti, pemegang lesen hendaklah mengemukakan salinan sijil pengesahan pertukaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

**Pembaharuan lesen**

11. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dianggap sebagai permohonan untuk suatu lesen.

(2) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dibuat dalam tempoh masa enam puluh hari sebelum tarikh tamat lesen itu dan hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(3) Datuk Bandar boleh, jika difikirkannya perlu, menghendaki mana-mana pemohon untuk hadir sendiri atau bagi pihak sesuatu perbadanan atau firma atau seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut untuk hadir bagi memberi apa-apa dokumen atau maklumat lanjut berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen.

(4) Datuk Bandar boleh memperbaharui atau tidak memperbaharui suatu lesen itu dan hendaklah memaklumkan pemohon keputusannya itu secara bertulis atau melalui apa-apa cara yang lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh Datuk Bandar dan membayar balik deposit kepada pemohon tertakluk kepada perenggan 8(9).

(5) Suatu lesen jika diperbaharui di bawah perenggan (4) adalah tertakluk kepada—

- (a) tempoh lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar;
- (b) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual; dan
- (c) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

(6) Tiada deposit lanjut perlu diberi oleh pemegang lesen jika lesennya diperbaharui.

(7) Jika difikirkan perlu oleh Datuk Bandar, suatu lesen untuk kedai makan dan restoran adalah tertakluk kepada undang-undang kecil 13 sebelum diperbaharui di bawah undang-undang kecil ini.

(8) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada pemegang lesen sekiranya lesen tidak diperbaharui di bawah perenggan (4).

#### **Pembatalan lesen**

12. (1) Datuk Bandar boleh membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat atau sekatan lesen;
- (b) pemegang lesen itu telah, sama ada berhubung dengan sesuatu permohonan untuk suatu lesen atau pada bila-bila masa selepas suatu lesen dikeluarkan, mengemukakan kepada Datuk Bandar suatu dokumen atau perisytiharan yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
- (c) pemegang lesen itu tidak mengendalikan petempatan makanan yang dilesenkan selama tempoh tiga bulan berturut-turut tanpa memaklumkan kepada Datuk Bandar; atau
- (d) suatu perintah penggulungan atau perintah kebankrapan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela telah diluluskan.

(2) Pembatalan lesen di bawah perenggan (1) boleh dibuat oleh Datuk Bandar tanpa apa-apa bayaran pampasan kepada pemegang lesen dan Datuk Bandar boleh melucutahkan keseluruhan deposit yang telah dibayar di bawah undang-undang kecil 8.

(3) Sebelum suatu lesen dibatalkan, Datuk Bandar hendaklah memberi notis secara bertulis kepada pemegang lesen menghendaknya membuat representasi dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis kenapa lesenya tidak boleh dibatalkan.

(4) Selepas tamat tempoh masa yang dinyatakan dalam notis di bawah perenggan (3) dan setelah menimbangkan representasi pemegang lesen atau jika pemegang lesen gagal membuat representasi, Datuk Bandar hendaklah terus mempertimbangkan perkara tersebut dan memaklumkan keputusannya dalam notis bertulis kepada pemegang lesen.

(5) Jika Datuk Bandar memutuskan untuk membatalkan lesen itu, pembatalan lesen itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis yang diserahkan kepada pemegang lesen.

(6) Mana-mana pemegang lesen yang mengendalikan petempatan makanan setelah lesenya dibatalkan di bawah perenggan (5) melakukan suatu kesalahan.

**BAHAGIAN III****KEHENDAK KHAS BAGI KEDAI MAKAN DAN RESTORAN****Kehendak bagi kedai makan dan restoran**

13. (1) Jika suatu permohonan untuk lesen petempatan makanan bagi kedai makan dan restoran diluluskan, tetapi sebelum lesen bagi maksud itu dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 atau sebelum sesuatu lesen itu diperbaharui di bawah undang-undang kecil 11, pemohon hendaklah, jika difikirkan perlu oleh Datuk Bandar, mematuhi kehendak yang berikut:

- (a) mendapatkan sijil halal sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang kecil 14;
- (b) memasang alat perangkap minyak mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh Datuk Bandar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang kecil 15; dan
- (c) memasang kemudahan internet dalam kedai makan dan restoran tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang kecil 16.

(2) Jika pemohon gagal melaksanakan kehendak di bawah perenggan (1), lesen di bawah undang-undang kecil 4 tidak boleh dikeluarkan atau lesen itu tidak boleh diperbaharui di bawah undang-undang kecil 11.

(3) Datuk Bandar tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa pampasan kepada pemohon jika lesen tidak dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 atau lesen tidak diperbaharui di bawah undang-undang kecil 11 akibat kegagalan pemohon untuk mematuhi kehendak di bawah perenggan (1).

**Keperluan mendapatkan sijil halal**

14. Mana-mana kedai makan dan restoran yang menyediakan makanan yang boleh dimakan oleh orang Islam, hendaklah mendapatkan sijil pengesahan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan dan tertakluk kepada undang-undang yang berkaitan dengannya.

**Alat perangkap minyak**

15. (1) Mana-mana kedai makan dan restoran hendaklah menyediakan dan memasang alat perangkap minyak mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan memastikan air limbah daripada setiap sinki di kedai makan atau restoran itu disalurkan melalui alat perangkap minyak tersebut.

(2) Air buangan daripada alat perangkap minyak itu hendaklah disalurkan ke saluran yang mempunyai sambungan terus ke sistem pembetungan, tangki septik atau sistem rawatan pembetungan yang lain.

(3) Semua sisa pepejal dan minyak yang terperangkap dalam alat perangkap minyak hendaklah dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(4) Pemegang lesen hendaklah menyenggara atau menyebabkan disenggara alat perangkap minyak mengikut cara yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(5) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Kemudahan internet**

16. (1) Mana-mana kedai makan dan restoran yang Datuk Bandar fikirkan sesuai, hendaklah menyediakan kemudahan internet tertakluk kepada syarat dan sekatan sebagaimana yang ditentukan oleh Datuk Bandar.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Hiburan di kedai makan dan restoran**

17. Mana-mana pemegang lesen yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini yang menyediakan hiburan di kedai makan dan restoran hendaklah memohon suatu lesen hiburan di bawah undang-undang yang berkaitan dengannya.

#### **Larangan perniagaan lain dalam kedai makan dan restoran**

18. (1) Walau apa pun undang-undang kecil 17, tiada aktiviti perniagaan lain boleh dibenarkan dalam mana-mana kedai makan atau restoran.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Larangan menjalankan perniagaan di luar kedai makan dan restoran**

19. (1) Seseorang pemegang lesen tidak dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaannya di luar kedai makan dan restoran yang telah dilesenkan melainkan dengan kelulusan Datuk Bandar.

(2) Pemegang lesen boleh memohon kelulusan Datuk Bandar untuk menjalankan aktiviti perniagaannya di luar kedai makan dan restoran yang telah dilesenkan.

(3) Datuk Bandar boleh meluluskan atau tidak meluluskan suatu permohonan di bawah perenggan (1).

(4) Kelulusan yang diberikan oleh Datuk Bandar di bawah perenggan (3) hendaklah tertakluk kepada apa-apa pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dan syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Datuk Bandar.

(5) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Penyediaan makanan**

20. (1) Dalam mana-mana kedai makan dan restoran di mana kedua-dua makanan yang halal dan makanan yang tidak halal disediakan dan dihidangkan, pemegang lesen hendaklah—

- (a) membasuh dan menyimpan apa-apa makanan dan perkakas yang digunakan untuk menyediakan makanan yang halal dan makanan yang tidak halal di tempat yang berasingan; dan
- (b) menggunakan apa-apa perkakas yang berasingan bagi menyediakan makanan yang halal dan makanan yang tidak halal.

(2) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa apa-apa perkakas yang digunakan untuk menyediakan apa-apa makanan yang tidak halal diambil daripada dan digunakan hanya di tempat di mana makanan yang tidak halal disediakan.

(3) Sekiranya makanan yang tidak halal disediakan di kedai makan dan restoran, pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan notis yang menyatakan “Makanan Yang Tidak Halal Sahaja” pada mana-mana bahagian kedai makan dan restoran tersebut yang mudah dilihat.

(4) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “makanan yang halal” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditakrifkan dalam Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 [P.U. (A) 430/2011].

(5) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Kehendak yang lain**

21. (1) Setiap pemegang lesen kedai makan dan restoran hendaklah mematuhi kehendak yang berikut:

- (a) tempat makan pelanggan dan tempat di mana makanan dihidangkan tidak boleh digunakan bagi maksud yang lain selain sebagai tempat makan atau tempat untuk menghidang makanan;
- (b) meja dan kaunter yang digunakan untuk memproses dan menyediakan makanan hendaklah dibuat daripada apa-apa bahan yang sesuai dan mudah dibersihkan atau sebagaimana yang diluluskan oleh Datuk Bandar;

- 
- (c) lantai dan dinding tempat makan atau tempat di mana makanan dihidangkan hendaklah dibuat daripada apa-apa bahan yang sesuai dan mudah dibersihkan atau sebagaimana yang diluluskan oleh Datuk Bandar;
  - (d) sinki hendaklah disediakan mengikut jumlah yang ditentukan oleh Datuk Bandar untuk kegunaan pelanggan dan sinki tersebut hendaklah disenggara dalam keadaan bersih dan baik pada setiap masa;
  - (e) tandas hendaklah disediakan mengikut jumlah yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan tandas ini hendaklah disenggara dalam keadaan bersih dan baik pada setiap masa;
  - (f) dinding tandas hendaklah dipasang dengan apa-apa bahan yang sesuai dan mudah dibersihkan atau sebagaimana yang diluluskan oleh Datuk Bandar;
  - (g) tiap-tiap tandas hendaklah dilengkapkan dengan suatu pili air atau suatu paip getah untuk kemudahan bersuci;
  - (h) tiap-tiap tandas hendaklah dilengkapkan pada setiap masa dengan kertas tandas, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah, alat pengering tangan elektrik, tuala bergulung, tuala bersih atau kertas tisu;
  - (i) lantai tandas berada dalam keadaan bersih dan kering pada setiap masa;
  - (j) tiap-tiap tandas hendaklah mempunyai pencahayaan dan pengalihudaraan yang mencukupi;
  - (k) tandas dibuka untuk kegunaan orang awam semasa waktu perniagaan;
  - (l) saiz dapur hendaklah dibina mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh Datuk Bandar dan dinding hendaklah dibuat daripada apa-apa bahan yang sesuai dan mudah dibersihkan atau sebagaimana yang diluluskan oleh Datuk Bandar;
  - (m) bahan-bahan yang digunakan untuk penyediaan makanan, perkakas, kutleri atau bekas yang digunakan tidak boleh diletakkan atau dibasuh di atas lantai melainkan diletakkan dalam kawasan yang dikhaskan untuk membasuh yang tingginya tidak kurang daripada 0.45 meter dari paras lantai di dalam kawasan ruang dapur; dan
  - (n) makanan yang telah dimasak untuk dijual tidak boleh diletakkan di atas lantai dalam mana-mana bahagian kedai makan dan restoran itu.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

## BAHAGIAN IV

## PERUNTUKAN AM

**Larangan**

22. (1) Tiada pemegang lesen boleh---

- (a) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;
- (b) mengambil mana-mana warga asing tanpa permit kerja yang sah untuk bekerja di petempatan makanannya;
- (c) membenarkan apa-apa aktiviti perjudian atau aktiviti tidak bermoral atau membenarkan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kacau ganggu, gangguan, kecederaan atau kebisingan kepada penduduk di kawasan persekitaran petempatan makanannya; dan
- (d) menjalankan aktiviti yang lain di petempatan makanannya selain aktiviti menyediakan makanan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesennya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Pemeriksaan kesihatan dan kursus asas penyediaan makanan**

23. (1) Mana-mana orang yang terlibat dalam penyediaan makanan di mana-mana petempatan makanan hendaklah—

- (a) menjalani pemeriksaan kesihatan sebagaimana yang Datuk Bandar arahkan;
- (b) mendapatkan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit; dan
- (c) mengikuti kursus asas penyediaan makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

(2) Pemeriksaan kesihatan dan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan atau kesihatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

(3) Sesorang pemegang lesen hendaklah—

- (a) mematuhi kehendak perenggan (1) sekiranya pemegang lesen itu sendiri terlibat dalam penyediaan makanan di mana-mana petempatan makanan; dan
- (b) memastikan pekerjanya yang terlibat dalam penyediaan makanan mematuhi kehendak perenggan (1).

(4) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (3) melakukan suatu kesalahan.

(5) Walau apa pun perenggan (1), mana-mana orang yang terlibat dalam penyediaan makanan di mana-mana petempatan makanan boleh diarahkan oleh Datuk Bandar pada bila-bila masa untuk—

- (a) menjalani pemeriksaan kesihatan;
- (b) mendapatkan suntikan pelalian terhadap penyakit berjangkit; dan
- (c) menghadiri kursus asas berkaitan dengan penyediaan makanan.

(6) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perenggan (5) melakukan suatu kesalahan.

#### **Orang yang dilarang menyediakan makanan**

24. (1) Mana-mana orang yang menghidap atau membawa apa-apa penyakit yang berjangkit tidak boleh terlibat dalam penyediaan makanan di mana-mana petempatan makanan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Kehendak kebersihan**

25. (1) Seseorang pemegang lesen mana-mana petempatan makanan hendaklah—

- (a) menyebabkan dan memastikan segala sampah dikumpul dan dibungkus dalam beg plastik dan dimasukkan ke dalam bekas bertutup yang disediakan bagi maksud itu, dan hendaklah menyebabkan semua bekas itu dikosongkan dan dibersihkan seberapa kerap yang perlu untuk menjaga petempatan makanan itu supaya bersih dan kemas pada setiap masa;
- (b) menyebabkan lantai dan dinding petempatan makanan itu disenggara dan berada dalam keadaan bersih pada setiap masa;
- (c) mengambil langkah yang perlu untuk memastikan petempatan makanan bebas daripada serangan binatang menggigit, lalat, serangga atau binatang perosak;
- (d) memastikan makanan dan minuman yang dipamerkan untuk jualan hendaklah berada dalam keadaan bersih dan ditutup dengan penutup makanan pada setiap masa;
- (e) menggunakan hanya bekas atau bahan pembungkusan yang ditentukan atau dibenarkan oleh Datuk Bandar untuk membungkus makanan untuk jualan;

- (f) tidak membungkus makanan dengan kertas yang tidak bersih atau kertas yang terdapat tulisan di atasnya atau kertas yang bercetak atau dengan bahan yang boleh mencemarkan makanan itu; dan
  - (g) menyenggara atau menyebabkan disenggara tiap-tiap bahagian petempatan makanan, termasuk pepasangan atau lekapan, supaya berada dalam keadaan bersih dan dalam keadaan baik pada setiap masa.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Penyenggaraan petempatan makanan**

26. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyenggara petempatan makanannya dan peralatan yang digunakan dalam petempatan makanannya supaya berada dalam keadaan bersih dan boleh digunakan pada setiap masa.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.
- (3) Seseorang pemegang lesen hendaklah mengecat atau mengecat semula petempatan makanannya atau mana-mana bahagiannya pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Datuk Bandar.

**Pengelasan petempatan makanan**

27. (1) Datuk Bandar boleh, pada bila-bila masa, menilai dan mengelas mana-mana petempatan makanan mengikut Gred A, B atau C berdasarkan sanitasi premis dan kebersihan berkaitan dengan makanan, orang yang menguruskan makanan dan amalan pengurusan makanan:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam undang-undang kecil ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang mana-mana pemegang lesen daripada didakwa.

- (2) Selepas penentuan penilaian dan pengelasan, Datuk Bandar hendaklah mengeluarkan kepada pemegang lesen suatu kad kategori mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Datuk Bandar yang menunjukkan gred petempatan makanan itu dikelaskan.
- (3) Datuk Bandar boleh, pada bila-bila masa, menyemak apa-apa gred dalam mana-mana kad kategori apabila suatu kad kategori baharu hendak dikeluarkan kepada pemegang lesen.
- (4) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan kad kategori di suatu tempat yang mudah dilihat dalam petempatan makanan.

(5) Tiada scorang pemegang lesen pun boleh memindahkan, mencacatkan atau merosakkan, atau menyebabkan atau membenarkan untuk dipindahkan, dicacatkan atau dirosakkan suatu kad kategori.

(6) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (4) atau (5) melakukan suatu kesalahan.

#### **Penutupan petempatan makanan yang tidak bersih**

28. (1) Datuk Bandar boleh secara bertulis memerintahkan penutupan serta-merta mana-mana petempatan makanan jika Datuk Bandar berpendapat bahawa petempatan makanan tersebut disyaki sebagai punca jangkitan atau mungkin menjadi punca jangkitan dan pemegang lesen yang gagal mematuhi perintah itu melakukan suatu kesalahan.

(2) Datuk Bandar boleh mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menutup petempatan makanan itu jika pemegang lesen gagal mematuhi perintah yang dikeluarkan di bawah perenggan (1).

(3) Mana-mana pemegang lesen yang masih mengendalikan petempatan makanan yang ditutup di bawah undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

(4) Datuk Bandar boleh, selepas penyiasatan wajar dibuat, membenarkan petempatan makanan tersebut dibuka semula jika Datuk Bandar berpuas hati bahawa punca jangkitan telah dihapuskan.

(5) Pemegang lesen bagi petempatan makanan yang ditutup di bawah undang-undang kecil ini tidak berhak untuk menuntut apa-apa pampasan daripada Datuk Bandar.

#### **Binatang adalah dilarang**

29. (1) Tiada pemegang lesen bolch memelibara apa-apa binatang atau dengan pengetahuannya membenarkan apa-apa binatang memasuki petempatan makanannya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Walau apa pun perenggan (1), pemegang lesen boleh menyimpan ikan di dalam akuarium dalam petempatan makanan bagi tujuan penyediaan makanan atau hiasan dan hendaklah sentiasa menyenggara akuarium itu dalam keadaan baik dan bersih.

#### **Tempat penyediaan makanan**

30. (1) Semua makanan hendaklah disediakan di tempat yang dikhaskan untuk penyediaan makanan dalam kawasan petempatan makanan itu.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, memastikan tempat penyediaan makanan sentiasa bersih.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

#### **Sinki dan kelengkapan sanitari**

31. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah menyediakan sinki, kelengkapan sanitari dan aksesori yang mencukupi bagi maksud penyediaan makanan dan menyediakan kemudahan membasuh yang berasingan untuk membasuh perkakas dan kelengkapan yang digunakan.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Bekalan air**

32. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh menggunakan mana-mana air selain air daripada bekalan air awam dan tidak boleh menggunakan air paip daripada mana-mana tandas bagi penyediaan makanan.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Penyimpanan**

33. (1) Suatu stor hendaklah disediakan bagi penyimpanan bahan makanan, perkakas, alat kelengkapan dan pinggan mangkuk dan stor tersebut tidak boleh digunakan bagi apa-apa maksud yang lain dan hendaklah disenggara dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa.

(2) Almari, kabinet, rak atau tetingkat yang digunakan untuk penyimpanan hendaklah sentiasa disenggara supaya berada dalam keadaan yang bersih pada setiap masa.

(3) Semua bahan makanan, perkakas, alat kelengkapan dan pinggan mangkuk hendaklah disimpan atau diletakkan sekurang-kurangnya 20 sentimeter dari paras lantai.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

#### **Mengadakan bilik rehat dan lokar**

34. (1) Datuk Bandar boleh, jika difikirkannya perlu, menghendaki seseorang pemegang lesen mengadakan bilik rehat dan apa-apa bilangan lokar untuk pekerja lelaki dan perempuan secara berasingan.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Ruang yang sesak dilarang**

35. (1) Sesorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa petempatan makanannya tidak sesak dengan apa-apa perabot, benda atau barang-barang yang berkaitan dengan aktiviti penyediaan makanannya yang mungkin menjelaskan keselamatan, kesihatan atau dalam keadaan yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada mana-mana orang yang berada dalam petempatan makanan itu.

(2) Jika Datuk Bandar berpendapat bahawa mana-mana petempatan makanan berada dalam keadaan sesak, Datuk Bandar boleh dengan notis secara bertulis mengarahkan pemegang lesen dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis untuk menyusun semula perabot, benda atau barang-barang yang berada dalam petempatan makanan itu sehingga Datuk Bandar berpuas hati bahawa petempatan makanan itu tidak lagi berada dalam keadaan sesak.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (2) melakukan suatu kesalahan.

(4) Walau apa pun perenggan (3), mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Kacau ganggu**

36. (1) Sesorang pemegang lesen tidak boleh, semasa pengendalian petempatan makanan, membuat atau menyebabkan atau membentarkan berlakunya apa-apa kacau ganggu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Waktu pengendalian petempatan makanan**

37. (1) Datuk Bandar boleh mengarahkan suatu petempatan makanan dikendalikan dalam tempoh dan masa yang ditetapkan oleh Datuk Bandar dan pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan itu.

(2) Datuk Bandar boleh mempertimbangkan sesuatu permohonan dari pemegang lesen untuk melanjutkan tempoh dan masa yang telah ditetapkan oleh Datuk Bandar di bawah perenggan (1) setelah menerima permohonan secara bertulis daripada pemegang lesen.

(3) Walau apa pun perenggan (2), mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa untuk menghendaki maklumat**

38. (1) Bagi maksud mengesan punca dan menegah merebaknya apa-apa jangkitan, Datuk Bandar boleh menghendaki pemegang lesen suatu petempatan makanan untuk memberi apa-apa maklumat atau mengemukakan untuk pemeriksaan apa-apa dokumen, buku atau rekod berhubungan dengan mana-mana orang yang diambil bekerja olehnya dalam petempatan makanan itu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang enggan memberi apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen, buku atau rekod melakukan suatu kesalahan.

#### **Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan**

39. Datuk Bandar boleh—

- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana petempatan makanan atau suatu bangunan atau mana-mana bahagian suatu bangunan yang disyaki oleh Datuk Bandar dengan sebab yang munasabah digunakan bagi maksud untuk mengendalikan petempatan makanan yang lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau
- (b) meminta daripada seseorang pemegang lesen apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan petempatan makanan itu dan pemegang lesen atau pekerjanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.

#### **Pengecualian**

40. Datuk Bandar boleh, sama ada dengan atau tanpa syarat, mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

#### **Penalti**

41. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari yang kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

#### **Pembatalan dan peruntukan peralihan**

42. (1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 [P.U. (A) 149/1985] dibatalkan.

(2) Apa-apa lesen yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan sebelum Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dibatalkan, atau kelulusan itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan, yang hanya bagi maksud itu Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

